

B B253 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA R R R R R R

KUALA LUMPUR, 26 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERAHKAN KEPADA ANGGOTA PARTI ITU UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA MEREKA MAHU MENGEKALKAN ATAU MENARIK BALIK KUASA PRESIDEN PARTI DALAM MEMILIH CALON-CALON UMNO UNTUK PILIHAN RAYA KEBANGSAAN.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA MEMIKIRKAN SEDALAM-DALAMNYA SEBARANG URA-URA KE ARAH ITU MEMANDANGKAN BERBAGAI-BAGAI IMPLIKASI AKAN TIMBUL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA MEREKA MEMBUAT KEPUTUSAN MAHU MENARIK BALIK KUASA PRESIDEN UMNO DALAM SOAL INI BELIAU SANGGUP MENGEMUKAKAN HAL ITU KEPADA MAJLIS TERTINGGI PARTI.

KATANYA, PERWAKILAN BERHAK MEMANGGIL PERHIMPUNAN AGUNG KHAS UNTUK MEMINDA PERLEMBAGAAN PARTI MENGENAI PERKARA YANG ADA HUBUNGKAIT DENGAN HAK PRESIDEN ITU.

BELIAU MENGGULUNG PERBAHASAN PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI YANG BERAKHIR HARI INI MENGENAI SOAL KUASA PRESIDEN DALAM PEMBAHAGIAN KERUSI PADA SESUATU PILIHAN RAYA UMUM YANG DIBANGKITKAN OLEH UMNO PAHANG. -- LAGI.

1951MST 26 04 87

D391

B B265 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR R R R

DALAM PERBAHASAN PADA PERHIMPUNAN KALI INI UMNO PAHANG MEMINTA AGAR KUASA PENENTUAN CALON UMNO BAGI PILIHAN RAYA UMUM DIPULANGKAN KEMBALI KEPADA UMNO BAHAGIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM SOAL INI, BELIAU TIDAK MAHU LARI DARIPADA PERLEMBAGAAN PARTI.

KATANYA, SEMUA CALON YANG DICADANGKAN KEPADA BELIAU DI BAWAH SISTEM SEKARANG ADALAH BERDASAR PERAKUAN DAN PENENTUAN OLEH BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI-NEGERI.

SISTEM INI BERSESUAIAN DENGAN STRATEGI PARTI APABILA MENGUMUMKAN PILIHAN RAYA UMUM SECARA TERGEMPAR.

DISEBABKAN KESUNTUKAN MASA KERANA PILIHAN RAYA CARA ITU PARTI TIADA MASA UNTUK MENELITI SEMUA CALON TETAPI BERGANTUNG BESAR KEPADA NAMA-NAMA YANG DISYORKAN OLEH PARA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI. -- LAGI.

2031MST 26 04 87

B B264 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 KUALA LUMPUR R R R

DALAM KONTEKS PILIHAN RAYA UMUM YANG LEPAS, BELIAU BERKATA CUMA BEBERAPA CALON YANG BELIAU KENALI DAN PADA PENDAPATNYA TIDAK SESUAI DICALONKAN TELAH DIGUGURKAN.

BAGAIMANAPUN BILANGAN MEREKA YANG DIGUGURKAN ITU KECIL, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MENGENALI SEBAHAGIAN BESAR CALON-CALON YANG DICADANGKAN.

KATANYA, BELIAU TIDAK DAPAT MENILAI BAIK-BURUK SESEORANG ITU APATAH LAGI MUKA-MUKA BARU.

OLEH KERANA ITU BELIAU BERPANDUKAN PERAKUAN PARA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MASING-MASING.

+MUSTAHIL BAGI SAYA KENAL SEMUA CALON YANG DIPERAKUKAN TERUTAMANYA ORANG BARU.+

MEMANDANGKAN MASA YANG SINGKAT ANTARA TARIKH PERISYTIHARAN PEMBUBARAN PARLIMEN DAN DEWAN-DEWAN NEGERI DENGAN TARIKH PILIHAN RAYA UMUM TERGEMPAR, BELIAU TERPAKSA MENERIMA PERAKUAN-PERAKUAN ITU.

UMNO PADA PERINGKAT PUSAT HANYA MENGESAHKAN NAMA-NAMA CALON YANG DIPERAKUKAN OLEH BANDAN-BADAN ITU, KATANYA. -- LAGI.

2028MST 26 04 87

B B267 AAB
MAHATHIR 2 PILIHAN RAYA 4 KUALA LUMPUR R R R

SEBARANG CADANGAN MENGUBAH SISTEM PENENTUAN CALON SEKARANG AKAN MENIMBULKAN BERBAGAI-BAGAI IMPLIKASI TERMASUK PEMAKLUMAN LEBIH AWAL TARIKH PILIHAN RAYA UMUM SEPERTI UMNO MENETAPKAN TARIKH PEMILIHAN PARTI.

CARA INI SEKIRANYA DIAMALKAN, MEMBERI MASA YANG PANJANG BUKAN SAHAJA UNTUK BERKEMPEN TETAPI JUGA MENJADIKAN PERSAINGAN UNTUK MEREbut TEMPAT SEBAGAI CALON LEBIH HEBAT SEJAK DARI PERINGKAT CAWANGAN LAGI, KATANYA.

DALAM SOAL PEMBAHAGIAN CALON JUGA, PARA ANGGOTA UMNO HARUS MEMIKIRKAN PENENTUAN CALON-CALON DARIPADA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG LAIN.

BELIAU BERKATA TERPULANGLAH KEPADA PARA PERWAKILAN SAMA ADA MAHU HAK MENENTU CALON DIKEKALKAN KEPADA PRESIDEN PARTI ATAU DIKEMBALIKAN KEPADA UMNO BAHAGIAN.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA TIADA GUNANYA UMNO DAPAT KUASA TETAPI TIDAK DAPAT KUASA UNTUK MENTADBIR NEGARA. -- BERNAMA.

2038MST 26 04 87